

# PAS diminta henti fitnah NFC

## Kenyataan ditokok tambah berlebihan mengelirukan rakyat: Noh

Oleh Rafidah Mat Ruzki

[fidahruzki@bharian.com.my](mailto:fidahruzki@bharian.com.my)

● BERNAMA

**B**ANTING: Pemimpin PAS sepatutnya menyelesaikan masalah dalaman yang dihadapinya dan bukan menabur fitnah mengenai National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) termasuk mengeluarkan kenyataan yang ditokok tambah sehingga mengelirukan rakyat.

Timbalan Penggerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar, berkata dakwaan Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar, seperti disiarkan sebuah akhbar harian (bukan terbitan The New Straits Times (M) Press) yang pinjaman besar diperoleh syarikat itu tidak mengikut prosedur Kementerian Kewangan kerana pinjaman diberi tanpa perjanjian terlebih dulu, sudah dijawab di Parlimen.

Katanya, perjanjian itu sudah dibuat terlebih dulu sebelum pinjaman berkenaan diluluskan kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata dakwaan Mahfuz bahawa Ketua Audit Negara melihat NFC tidak mampu mengurus tadbir projek itu juga satu penipuan kerana ia juga sudah dijawab dengan panjang lebar dalam sidang Dewan Rakyat.

"Apa yang saya nak komen, saya nak nasihatkan pembangkang PAS jangan 'go over board' dan berlebih-lebih dengan kenyataan yang dibuat ditokok tambah serta menge-



NOH meninjau masalah air dan elektrik di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Carey, semalam.

lirukan rakyat.

"Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melihat perkara ini dengan serius dan kita mencari cara penyelesaian. Pembangkang nak jadi tukang nasi tambah, tukang karut. Konon nak tunjuk dia pembela rakyat. Tak payahlah. Kalau nak jadi pembela rakyat pun, jangan sampai menipu rakyat," katanya kepada pemberita selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Carey, Teluk Panglima Garang di sini, semalam.

Kelmarin, Mahfuz dipetik sebagai berkata, PAS menggesa kera-

jaan menubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat secara menyeluruh kepincangan dalam projek lembu daging kendalian NFC, yang dikaitkan dengan keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Mahfuz berkata, masalah yang timbul bukan berpunca daripada penyalahgunaan dana RM250 juta itu, tetapi lebih kepada masalah dalam pemberian projek itu.

Noh berkata, pemimpin pembangkang mahu menangguk di air keruh dalam isu berkenaan dengan mencadangkan penubuhan satu Suruhanjaya Diraja.

"Benda ini kalau Mahfuz tak faham masa saya terangkan dalam Parlimen, (tidak tahu) sama ada dia dengar atau tidak dengar apa yang saya terangkan. Lebih satu jam setengah saya terangkan mengenai laporan audit dan prosedur," katanya.

Noh bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai perkara berkenaan dan meminta pemberita bertanya sendiri mengenainya kepada pemimpin kedua negara itu.